

Kerajaan pastikan kadar inflasi terkawal

BH 14 JUN 1994

MELAKA. Isnin — Kerajaan akan berusaha mengekalkan tahap inflasi pada kadar yang rendah supaya pekerja menikmati kemakmuran walaupun tidak mengamalkan sistem kenaikan gaji setiap tahun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan percaya inflasi boleh dikurangkan pada kadar paling rendah manakala pekerja dibayar mengikut produktiviti serta kemahiran yang dimiliki.

Dr Mahathir berkata, gaji yang rendah secara perbandingan tidak bermakna masyarakat hidup dalam kemiskinan kerana jika kos sara hidup tidak melambung tinggi, mereka tetap mampu memiliki kemewahan.

Katanya, pendekatan yang digunakan itu membolehkan Malaysia bersaing dengan negara maju lain malah mampu mengejar mereka berdasarkan kepada kepesatan ekonomi negara ini.

Menurutnya, keadaan itu boleh dicapai berikutan negara maju kini kelihatan bergerak lambat kerana rakyatnya berkehendakkan pendapatan yang tinggi tetapi hanya bekerja sedikit.

"Sikap yang diamalkan oleh negara maju itu tidak boleh diterima kerana jika kita hendakkan gaji yang banyak, kita juga perlu banyak bekerja dan

berusaha gigih untuk berjaya.

"Walaupun rakyat negeri ini berpendapatan tidak begitu tinggi tetapi masih mampu untuk memiliki pelbagai barangan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Muzium Samudera di Jalan Quay-side, di sini, petang ini.

Sehubungan itu, katanya, untuk memastikan negara terus membangun, kerajaan menjalankan kempen mencegah inflasi dan jika kempen itu berjaya, Malaysia pasti mencapai kemajuan pesat.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini tidak boleh melupakan sejarah masa lampau kerana ia meninggalkan pelbagai pengajaran dan boleh dijadikan teladan kepada "mereka untuk menghadapi masa depan.

Menurutnya, sejarah amat penting kerana ia dapat memastikan rakyat sentiasa mengenang kesilapan yang pernah dilakukan pada zaman lampau dan tidak mengulangnya.

"Jika rakyat melupakan sejarah silam, mereka akan mengulangi kesilapan dan kesalahan yang pernah dilakukan suatu ketika dulu," katanya.

Beliau berkata, rakyat tidak boleh melupakan zaman penjajahan kerana kesilapan yang pernah dilakukan ketika itu boleh mengajar mereka supaya

lebih berhati-hati dan tidak mengulangi kesilapan.

Katanya, melalui kesilapan di zaman penjajahan, rakyat boleh mengubah kehidupan mereka dan melaksanakan setiap urusan pentadbiran dengan lebih cekap dan sempurna.

"Sejarah juga mengajar rakyat negara ini beralih kepada sektor pembuatan dan perindustrian dan tidak lagi bergantung kepada pengeluaran bahan mentah," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, dalam ucapannya berkata kerajaan perlu menubuhkan Yayasan Pemugaran dan Pemuliharaan Khazanah sebagai usaha menempatkan penemuan yang ditemui di perairan negara ini.

Beliau berkata, yaysan itu juga dapat memastikan khazanah yang ditemui terpelihara dan dapat dipamerkan untuk tonjolan generasi akan datang.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melawat Muzium Samudera dan menyaksikan pameran khazanah dari kapal dagang British, Diana, yang tenggelam di perairan Selat Melaka.